



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

POLISI ANTIRASUAH



PERUTUSAN

KETUA SETIAUSAHA

**Assalamualaikum w.b.t.,
Salam Sejahtera dan Salam Integriti**

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illahi dengan limpah kurnia serta izin-Nya, kita berjaya membangunkan buku panduan Polisi Antirasuah, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang bertujuan untuk menjadi sumber rujukan mengenai jenayah rasuah serta mekanisme pelaporan dan pencegahan.

Polisi ini dibangunkan selaras dengan keperluan MS ISO 37001:2016 *Anti-Bribery Management Systems* (ABMS). Pelaksanaan sistem ini juga adalah selaras dengan Inisiatif 2.1.3 memperkenalkan pensijilan ABMS MS ISO 37001 di semua agensi Kerajaan. KPDNHEP telah berjaya mendapat pensijilan pada 14 Jun 2019.

KPDNHEP sangat komited dalam memastikan segala urusan perkhidmatan di Kementerian ini dilaksanakan dengan penuh integriti dan beretika. Selaras dengan objektif 'Toleransi Sifar Terhadap Rasuah', KPDNHEP tidak akan tolak ansur terhadap apa jua bentuk perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan.

Oleh yang demikian, saya berharap semua warga KPDNHEP dapat memahami dan menjadikan polisi ini sebagai panduan utama dalam penyampaian perkhidmatan Kementerian dan samasama kita membendung jenayah rasuah daripada terus berleluasa.

Sekian, salam hormat.

DATUK SERI HJ. HASNOL ZAM ZAM BIN HJ. AHMAD

Ketua Setiausaha

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna

“ Selaras dengan objektif ‘Toleransi Sifar Terhadap Rasuah’, KPDNHEP tidak akan tolak ansur terhadap apa jua bentuk perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan. ”



ISI KANDUNGAN

| | | |
|----|--|-------|
| 1 | PENDAHULUAN | 5 |
| 2 | PEMAKAIAN | 5 |
| 3 | TUJUAN | 5 |
| 4 | TAKRIFAN | 5 |
| 5 | PERNYATAAN POLISI ANTIRASUAH | 6 |
| 6 | PERLAKUAN BERUNSUR DAN BERPOTENSI RASUAH | 7 |
| 7 | KESALAHAN-KESALAHAN RASUAH | 8-10 |
| 8 | UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN LAIN YANG BERKUATKUASA | 10-11 |
| 9 | PERANAN DAN TINDAKAN WARGA KPDNHEP | 11-12 |
| 10 | PERLINDUNGAN MAKLUMAT DAN PEMBERI MAKLUMAT | 12 |
| 11 | PENGIKTIRAFAN KEPADA PENJAWAT AWAM | 12 |
| 12 | PERTANYAAN DAN LAPORAN | 12 |
| 13 | TARIKH KUATKUASA | 13 |
| | PENUTUP | 13 |
| | RUJUKAN | 13 |

1. PENDAHULUAN

Polisi Antirasuah KPDNHEP dibangunkan sebagai satu usaha dalam memerangi perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa atau penyelewengan. Polisi ini juga merupakan penambahbaikan kepada usaha-usaha sedia ada KPDNHEP dalam mengatasi kelemahan governan dan pelanggaran integriti.

2. PEMAKAIAN

Polisi ini terpakai kepada semua warga KPDNHEP. Polisi ini juga hendaklah dijadikan panduan oleh pemegang taruh, rakan niaga atau mana-mana individu/organisasi yang berurusan dengan warga/fasiliti KPDNHEP.

3. TUJUAN

Polisi ini diwujudkan bertujuan untuk menjadi sumber rujukan mengenai perlakuan rasuah, mekanisme pelaporan dan pencegahan rasuah.

4. TAKRIFAN

RASUAH

Rasuah dalam konteks Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) membawa maksud memberi atau menawarkan, menerima atau meminta atau setuju untuk menerima atau meminta suapan secara langsung atau tidak langsung sebagai dorongan atau upah untuk melakukan atau tidak melakukan perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi.

SUAPAN

Suapan merujuk kepada tafsiran 'suapan' di bawah Seksyen 3, Akta 694.

WARGA KPDNHEP

Pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di KPDNHEP sama ada melalui lantikan tetap, sementara, sangkut, pinjaman, kontrak atau sambilan dan juga termasuk lantikan politik.

Warga KPDNHEP juga termasuk Menteri, Timbalan Menteri dan ahli lembaga pengarah badan berkanun atau syarikat di bawah KPDNHEP.

5. PERNYATAAN POLISI ANTIRASUAH

KPDNHEP menasarkankan “Toleransi Sifar Terhadap Rasuah” di dalam menyediakan perkhidmatan di Malaysia. Bagi merealisasikan sasaran tersebut, KPDNHEP memberikan penekanan kepada empat (4) terma rujukan berikut:

DASAR, PERUNDANGAN DAN PERATURAN

- ▶ Memahami dan mematuhi undang-undang, peraturan dan lain-lain arahan berkaitan antirasuah yang berkuatkuasa.
- ▶ Menerapkan elemen antirasuah dalam penggubalan dasar bagi meningkatkan kawalan dalaman terhadap kelemahan governan dan pelanggaran integriti.

SISTEM DAN PROSEDUR KERJA

- ▶ Mengenal pasti, mengkaji kelemahan dan menambahbaik sistem dan prosedur kerja yang boleh membuka ruang dan peluang kepada perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan.

PENGUKUHAN GOVERNAN DAN INTEGRITI

- ▶ Menyemai, mendidik dan membudayakan integriti serta memperkukuhkan governan dalam penyampaian perkhidmatan.

PENGESANAN, PEMATUHAN, PUNITIF DAN PEMULIHAN

- ▶ Memperkasa dan menyebarkan mekanisme pelaporan perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan.
- ▶ Memastikan pematuhan kepada peraturan, mengambil tindakan punitif terhadap pelanggaran tatakelakuan dan melaksanakan usaha pemulihan.

6. PERLAKUAN-PERLAKUAN BERUNSUR DAN BERPOTENSI RASUAH

Transactive

Persetujuan untuk memberi dan menerima suapan (*win-win situation*)

Extortive

Ugutan dengan tujuan untuk tidak mengambil tindakan

Defensive

Bayaran dengan tujuan mendapatkan perlindungan

Investive

Bayaran untuk menjamin balasan / habuan pada masa hadapan

Nepotisme

Penyalahgunaan kuasa dan kedudukan untuk kepentingan peribadi / saudara (keluarga) / sekutu

Autogenic

Perlakuan rasuah yang telah menjadi amalan dan budaya dalam organisasi

Supportive

Penempatan proksi / kroni di tempat strategik (*hotspot*) dalam organisasi



7. KESALAHAN-KESALAHAN RASUAH DI BAWAH AKTA 694

KESALAHAN MENERIMA SUAPAN DI BAWAH SEKSYEN 16, AKTA 694

- ▶ Mana-mana orang secara rasuah meminta atau menerima atau bersetuju untuk menerima bagi dirinya atau orang lain apa-apa suapan sebagai dorongan untuk atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perkara atau transaksi; atau

KESALAHAN MEMBERI ATAU MENERIMA SUAPAN OLEH EJEN DI BAWAH SEKSYEN 17, AKTA 694

- ▶ Mana-mana orang sebagai seorang ejen secara rasuah **menyetujui terima** atau memperoleh daripada mana-mana orang untuk dirinya atau orang lain, apa-apa suapan sebagai dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan, berhubungan dengan hal ehwal prinsipalnya; atau
- ▶ Mana-mana orang sebagai seorang ejen **memberikan atau bersetuju untuk memberikan atau menawarkan** apa-apa suapan kepada mana-mana ejen sebagai dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan, berhubungan dengan hal ehwal prinsipalnya.

KESALAHAN MEMBUAT TUNTUTAN PALSU DI BAWAH SEKSYEN 18, AKTA 694

- ▶ Mana-mana orang yang **memberi** seseorang ejen, atau sebagai seorang ejen **menggunakan**, dengan niat hendak memperdayakan prinsipalnya, **apa-apa resit, akaun atau dokumen** lain yang prinsipalnya mempunyai kepentingan, dan dia mempunyai sebab untuk mempercayai mengandungi apa-apa **pernyataan yang palsu atau silap tentang apa-apa butir matan**, dan yang dimaksudkan untuk mengelirukan prinsipalnya.

KESALAHAN MENYOGOK PEGAWAI BADAN AWAM DI BAWAH SEKSYEN 21, AKTA 694

- ▶ Mana-mana orang yang **menawarkan** kepada seseorang pegawai mana-mana badan awam, atau sebagai seorang pegawai mana-mana badan awam, **meminta** atau **menerima**, apa-apa suapan sebagai suatu dorongan atau upah walaupun pegawai itu tidak mempunyai kuasa, hak atau peluang untuk berbuat demikian, atau menerima suapan itu tanpa niat untuk berbuat demikian, atau walaupun dorongan atau upah itu tidak ada hubungan hal ehwal badan awam itu.

KESALAHAN MENGGUNAKAN JAWATAN ATAU KEDUDUKAN UNTUK SUAPAN DI BAWAH SEKSYEN 23, AKTA 694

- ▶ Mana-mana pegawai badan awam yang **menggunakan jawatan atau kedudukannya** untuk apa-apa suapan, sama ada bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekutunya.

HUKUMAN DI BAWAH SEKSYEN 24, AKTA 694

- ▶ Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Seksyen 16, 17, 21 dan 23 Akta 694, apabila disabitkan boleh:
 - » dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun; dan
 - » didenda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan yang menjadi hal perkara kesalahan itu, atau sepuluh ribu ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.
- ▶ Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Seksyen 18, Akta 694, apabila disabitkan boleh:
 - » **dipenjara** selama tempoh **tidak melebihi dua puluh tahun**; dan
 - » didenda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai butir matan yang palsu, atau silap itu, atau sepuluh ribu ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

KEWAJIPAN MELAPORKAN TRANSAKSI PENYOGOKAN DI BAWAH SEKSYEN 25, AKTA 694

Mana-mana orang yang diberi, dijanjikan, atau ditawarkan suapan hendaklah melaporkan pemberian, janji atau tawaran itu, berserta dengan nama, jika diketahui, orang yang memberi, menjanjikan atau menawarkan suapan itu kepadanya kepada pegawai SPRM.

- ▶ Mana-mana orang yang tidak mematuhi subseksyen tersebut apabila disabitkan boleh:
 - » didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit; atau
 - » dipenjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.
- ▶ Mana-mana orang yang daripadanya suapan telah **diminta** atau **diperoleh** atau **suatu cubaan dibuat** untuk memperoleh suapan itu, hendaklah melaporkan permintaan atau perolehan, atau cubaan untuk memperoleh suapan itu berserta dengan perihalan yang lengkap dan benar dan, jika diketahui, nama orang yang meminta, atau memperoleh, atau cuba memperoleh, suapan daripadanya kepada pegawai SPRM.

- ▶ Mana-mana orang yang tidak mematuhi subseksyen tersebut apabila disabitkan boleh:
 - » **didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit**; atau
 - » dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

KESALAHAN MENERIMA BARANGAN BERTHARGA DENGAN TIADA BALASAN DI BAWAH SEKSYEN 165, KANUN KESEKSAAN (AKTA 574)

- ▶ Mana-mana pegawai awam yang **menerima** atau **memperoleh, atau setuju untuk menerima atau cuba untuk memperoleh** untuk dirinya atau untuk mana-mana orang lain apa-apa barangan berharga dengan tiada balasan atau dengan balasan yang pegawai mengetahui tidak mencukupi daripada mana-mana orang yang pegawai mengetahui telah; atau sedang; atau mungkin berkaitan dengan apa-apa urusan rasmi yang telah dijalankan; atau yang akan dijalankan oleh pegawai itu; atau berkaitan dengan tugas rasmi pegawai atau dengan tugas rasmi mana-mana pegawai di bawah seliaan pegawai itu hendaklah dihukum dengan hukuman **penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali**.

KESALAHAN MEMALSUKAN DOKUMEN DI BAWAH SEKSYEN 465, KANUN KESEKSAAN (AKTA 574)

- ▶ Mana-mana orang yang **melakukan pemalsuan** hendaklah dihukum dengan hukuman penjara selama tempoh **tidak melebihi dua tahun** atau **denda** atau **kedua-duanya sekali**.

8. UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN LAIN YANG BERKUATKUASA

UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN LAIN BERKAITAN PERLAKUAN RASUAH ADALAH SEPERTI BERIKUT:

- ▶ **SEKSYEN 3, AKTA 694**
 - a. Mana-mana kesalahan di bawah Akta 574 yang dinyatakan dalam Jadual – Perenggan 3 (a), tafsiran “kesalahan ditetapkan” di bawah Akta 694;
 - b. Kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 137 Akta Kastam 1967 (Akta 235);
 - c. Kesalahan di bawah Bahagian III Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5);
 - d. Sesuatu percubaan untuk melakukan mana-mana kesalahan yang disebut dalam perenggan (a) hingga (c); atau

- e. sesuatu perubahatan atau komplot jenayah untuk melakukan (sebagaimana istilah yang ditakrifkan dalam Kanun Keseksaan) mana-mana kesalahan yang disebut dalam perenggan (a) hingga (c), sama ada atau tidak kesalahan itu dilakukan berbangkit daripadanya.

▶ **SEKSYEN 17A, AKTA 694**

AKTA BADAN-BADAN BERKANUN (TATATERTIB DAN SURCAJ) 2000 (AKTA 605)

PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (TATAKELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 5 TAHUN 1997 - GARIS PANDUAN MENGENAI CARA MENGURUSKAN KES-KES TATATERTIB YANG DIRUJUK OLEH BADAN PENCEGAH RASUAH (KINI DIKENALI SEBAGAI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA)

9. PERANAN DAN TINDAKAN WARGA KPDNHEP

Dalam usaha menutup ruang dan peluang rasuah, warga KPDNHEP hendaklah mengambil tindakan seperti berikut:

▶ **JANGAN MINTA**

Warga KPDNHEP dilarang meminta atau menerima apa-apa bentuk suapan.

▶ **TOLAK**

Warga KPDNHEP hendaklah menolak apa-apa tawaran atau pemberian rasuah.

▶ **LAPOR**

Warga KPDNHEP hendaklah dengan segera melaporkan apa-apa perlakuan rasuah kepada Ketua Jabatan atau Bahagian integriti KPDNHEP atau SPRM.

Warga KPDNHEP boleh melaporkan apa-apa perlakuan rasuah dengan mengemukakan sekurang-kurangnya maklumat asas (5W+1H) seperti berikut:

- i. Siapakah (*who*) yang terlibat?
- ii. Bilakah (*when*) kejadian berlaku?
- iii. Dimanakah (*where*) kejadian berlaku?
- iv. Apakah (*what*) kesalahan yang berlaku?
- v. Kenapakah (*why*) kesalahan berlaku?
- vi. Bagaimanakah (*how*) kesalahan berlaku?
- vii. Saksi atau dokumen berkaitan (sekiranya ada)

10. PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT

Apa-apa aduan yang dibuat berbangkit daripada maklumat yang diterima pegawai di Bahagian Integriti, maklumat dalam aduan itu dan **identiti pemberi maklumat** hendaklah menjadi rahsia antara pegawai dan akan dikendalikan mengikut Polisi Pemberi Maklumat KPDNHEP.

11. PENGIKTIRAFAN KEPADA PENJAWAT AWAM

Pengiktirafan dalam bentuk sijil penghargaan, pencalonan anugerah pingat di peringkat Persekutuan atau Negeri, atau ganjaran boleh diberikan kepada mana-mana penjawat awam yang melaporkan pemberian dan penerimaan rasuah berdasarkan Surat Edaran Ketua Setiausaha Negara bertarikh 11 Mei 2011.

12. PERTANYAAN DAN PELAPORAN

Sebarang pertanyaan atau pelaporan pelanggaran terhadap Polisi ini boleh dikemukakan melalui saluran berikut:

KETUA SETIAUSAHA

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna

Aras 11, No. 13, Persiaran Perdana, Presint 2, 62623 Putrajaya,
Wilayah Persekutuan Putrajaya.

(u.p: Pengarah Bahagian Integriti)

Emel : integriti@kpdnhep.gov.my

Sistem Aduan Integriti : <http://e-aduan.kpdnhep.gov.my>

Telefon : 03-88826886

13. TARIKH KUAT KUASA

Pelaksanaan Polisi Antirasuah berkuatkuasa mulai tarikh polisi ini dikeluarkan.

PENUTUP

Pematuhan terhadap Polisi Antirasuah ini dapat mencapai sasaran “**Toleransi Sifar Terhadap Rasuah**” seterusnya menjadi pemangkin kepada kecekapan dan ketelusan pengurusan berteraskan prinsip governan, integriti dan antirasuah. Secara tidak langsung, pematuhan kepada Polisi ini akan menjadikan KPDNHEP antara agensi peneraju Perkhidmatan Awam dalam pelaksanaan inisiatif antirasuah.

RUJUKAN

1. Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)
2. Kanun Keseksaan (Akta 574)
3. Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 (Akta 605)
4. Peraturan-Peraturan Penjawat Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993
5. Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018 mengenai Pemantapan Governan, Integriti dan Antirasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan
6. Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 - 2023
7. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 1997 - Garis Panduan Mengenai Cara Menguruskan Kes-kes Tatatertib Yang Dirujuk Oleh Badan Pencegah Rasuah (kini dikenali Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia)
8. Surat Edaran Ketua Setiausaha Negara – Pengiktirafan Kepada Penjawat Awam Yang Melaporkan Pemberian Atau Penerimaan Rasuah rujukan SPRM/BKP: 20/22/1.9 bertarikh 11 Mei 2011
9. *Public Service Corruption Ranking* (PSCR) 2018
10. *Public Service Corruption Ranking* (PSCR) 2017
11. *Corruption Risk Management* (CRM) 2017
12. *Kajian Malaysia Integrity Assessment* (MylA), Tahun 2014



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

